

17/05/2001

Piala Nike: Remaja kita bersedia

Mohd Ali Majid

MALAYSIA sudah bersedia untuk mengharungi cabaran kejohanan bola sepak Nike Piala Perdana Asia Pasifik bawah 15 Tahun di Bangkok bermula 25 hingga 29 Mei ini.

Seramai 16 pemain dikenal pasti bakal membawa cabaran negara menentang pasukan tuan rumah Thailand dan Singapura untuk mendapat satu lagi tempat sebagai wakil Asia pada kejohanan di Berlin, Jun depan.

Empat pasukan mewakili Asia dalam kejohanan ini dengan Jepun, Korea Selatan dan China sudah melayakkan diri.

Jurulatih pasukan, Zainal Abidin Hassan, berkata pemain berkenaan dikenal pasti menerusi kejohanan Piala Nike Kebangsaan di Langkawi bulan lalu dan kini menjalani latihan pusat di Kompleks Sukan Majlis Sukan Negara di Bukit Jalil.

Bagaimanapun, katanya, dari 25 yang disenaraikan hanya 16 dipilih untuk latihan pusat menjelang kejohanan bermula sejak bulan lalu.

Latihan pusat dijalankan pagi petang bagi memastikan pasukan negara benar-benar berkemampuan bagi mengharungi cabaran dalam kejohanan itu nanti.

"Diharapkan pemain tidak gentar menghadapi saingan dan sekali gus mampu membawa pasukan pada kejohanan dunia itu nanti," kata Zainal yang juga bekas pemain kebangsaan dan Jurulatih Program Belia Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM).

Katanya, di kalangan pemain berkenaan terdapat hanya seorang pemain musim lalu iaitu Zul Yusri Che Haroun yang bermain sebagai midfield dan penyerang.

Selebihnya muka baru iaitu gabungan pemain dari Sekolah Sukan Bukit Penawar (SSBP) dan Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ).

Senarai pemain

Penjaga gol: Mohd Nasril Mat Noordin, Mohd Afiq Mohd Azam. Pertahanan: Mohd Fazirul Zakaria, Fizree Effendy Norizi, Mohd Mahathir Nasoor Gany, Mohd Azlan Zainal. Tengah: Mohd Shahril Ibrahim, Zul Yusri Che Harun, Mohd Shakir Shaari, Mohd Nurul Azwan Roya, Mohd Aizuddin Mazalan, Elias Sulaiman, Muhamad Amran Ahmad. Penyerang: Mohd Fazli Baharuddin, Mohd Firdaus Yusoff, Norshahrul Idlan Talha.

(END)